PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (001-021)

Analisis Struktur Sintaksis Iklan Barang-Barang Sukan dalam Bahasa Melayu

[1]Fazal Mohamed Mohamed Sultan & [2]Grace Wong Bee Yan
[1]fazal@ukm.edu.my, [2]gracewby98@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tarikh terima : 10 Januari 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 17 Februari 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Ayat dalam sesuatu bahasa boleh dibentuk dalam struktur yang berlainan seperti ayat songsang, ayat aktif, ayat pasif, ayat perintah, ayat soal dan struktur yang lain. Struktur sintaksis ayat-ayat tersebut merupakan tumpuan perbincangan dalam kajian ini. Makalah ini menganalisis struktur sintaksis barangan iklan dengan menggunakan kerangka Program Minimalist (PM). Untuk memperoleh ayat yang dibentuk dalam struktur yang berlainan, iklan barang-barang sukan dalam bahasa Melayu dipilih sebagai data kajian. Kaedah pengambilan catatan dokumentari digunakan dalam mengumpulkan data penyelidikan, sementara kaedah kepustakaan digunakan dalam mengumpulkan kosa ilmu. Berdasarkan analisis yang dilakukan, hubungan antara imbuhan dengan struktur argumen dan penandaan peranan teta serta penandaan kasus memainkan peranan penting dalam pembentukan struktur ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah dalam iklan. Penekanan nada dalam menghasilkan ayat penyata dan ayat perintah ditandakan oleh ciri kekuatan FFokus. Fitur fokus pada FFokus juga digunakan untuk memperlihatkan elemen yang ditekankan dalam ayat songsang. Dalam ayat soal yang mengandungi kata relatif *yang*, kajian ini mencadangkan FFokus adalah pada aras yang paling tinggi dalam projeksi hierarki, diikuti dengan FTopik, dan seterusnya FKomp. Hasil daripada analisis yang dilakukan, kajian ini telah merepresentasikan struktur sintaksis dalam ayat yang dikaji dengan menggunakan PM.

Kata kunci: struktur sintaksis, Program Minimalis, iklan, bahasa Melayu.

Syntactic structure analysis of sports goods advertisements in Malay in Malaysia

Abstract

Sentences in a language can be formed in different structures such as inverted sentences, active sentences, passive sentences, imperative sentences, interrogative sentences and other structures. This study focused on the syntactic structure of these sentences. The research was conducted on several theories in generative grammar, and it was found that the Minimalist Programme (MP) shows strength compared to other traditional theories in terms of analysis. Thus, this study was conducted to analyse the syntactic structure using the MP approach. Advertisements of sports goods in Malay were selected as the study data. The documentary note-taking method was used to collect research data, whereas the library method was used to collect the vocabulary. Based on the analysis performed, the relationship between affixes with argument structure and the role theta and grammatical case play an essential role in forming active sentences, passive sentences, and imperative sentences. The tone emphasised in the declarative and imperative sentences are marked by the FocusP strength feature. The focus feature on FocusP is also used to show the elements highlighted in the inverted sentence. In interrogative sentences that have contained relative words, this study suggests FocusP is placed at the highest level in hierarchical projection, followed by

TopicP and CompP in next. As a result, this study has represented the syntactic structure in the sentences studied using the Minimalist approach.

Keywords: syntactic structure, Minimalist Programme, advertisement, Malay language

1. Pengenalan

Menurut Noam Chomsky (1957), manusia mempunyai kebolehan membentuk ayat yang infinit dengan rumus yang disimpan dalam leksikon. Walaupun dikatakan manusia boleh menghasilkan ayat yang infinit, bagaimanapun struktur ayat yang dihasilkan adalah finit. Berdasarkan struktur ayat yang dibentuk, ayat boleh diklasifikasikan mengikut bentuk ayat, jenis ayat, ragam ayat dan susunan ayat. Bentuk ayat dalam bahasa Melayu (BM) terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk. Perbezaan antara ayat tunggal dengan ayat majmuk dapat dilihat dengan bilangan klausa yang terdapat dalam ayat. Ayat tunggal hanya mengandungi satu klausa iaitu mempunyai satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat, manakala ayat majmuk boleh mengandungi lebih daripada satu klausa dalam ayat dengan menggabungkan sesuatu klausa dengan satu klausa yang lain atau mencantumkan sesuatu ayat tunggal dengan satu ayat tunggal yang lain dan menghasilkan ayat baru (Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin, 2016). Suatu perkara yang menjadi persoalannya adalah, bagaimana ayat tunggal boleh digabungkan dan membentuk ayat majmuk?

Ragam ayat pula dibahagikan kepada dua jenis ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif. Secara umum, ayat aktif merujuk kepada ayat yang mengandungi kata kerja aktif, yang dibentuk dengan mengimbuhkan imbuhan aktif (meN-, meN-...-kan, meN-...-i, mempeR-, mempeR-...-i, memper-...-kan, dan teR-) pada kata kerja dasar, manakala ayat pasif pula merujuk kepada ayat yang dihasilkan dengan kata kerja pasif, yang dibentuk dengan mengimbuhkan imbuhan pasif (di-, di-...-kan, di-...-i, teR-, beR-, ke-...-an) pada kata kerja dasar. Dari sudut linguistik, ayat aktif didefinisikan sebagai ayat yang mengutamakan subjek asal sebagai judul kepada kata kerja aktif, manakala ayat pasif menekankan subjek yang diterbitkan daripada objek dalam ayat aktif (Ahmad Sukri bin Mustaffa, 2003). Hal ini menimbulkan persoalan bahawa, bagaimana objek dalam ayat aktif dapat diterbitkan menjadi subjek dalam ayat pasif dan apakah motivasi yang mencetuskan pergerakan atau perubahan struktur argumen tersebut?

BM mempunyai berbagai-bagai jenis ayat yang menyatakan sesuatu bersesuaian dengan keperluan, misalnya ayat penyata, ayat perintah, dan ayat soal. Ayat penyata ialah ayat yang dibina untuk menyatakan, memerihalkan, atau menerangkan sesuatu keadaan, konsep, proses, berita, perlakuan dan sebagainya. Ayat penyata diucapkan dengan nada sederhana dan diakhiri dengan tanda noktah. Bagaimanapun, bukan semua ayat yang diakhiri dengan tanda noktah merupakan ayat penyata (Ismail Bin Dahaman, 2016). Ayat perintah pula ialah ayat yang dibina untuk menyuruh seseorang melakukan sesuatu mengikut arahan yang diperintah oleh seseorang yang lain. Ayat perintah boleh bermula dengan kata perintah atau dengan kata kerja dalam pembentukan ayat dan diakhiri dengan tanda noktah atau dengan tanda seru bergantung pada nada penyampaian ayat itu (Siti Mahani Angterian & Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin, 2014). Ayat soal pula ialah ayat yang mengemukakan sesuatu persoalan. Biasanya, ayat soal yang dibentuk secara formal adalah bermula dengan kata soal, misalnya siapa, bagaimana, mengapa, di mana dan sebagainya, manakala ayat soal tidak formal merujuk kepada ayat soal yang mempunyai struktur ayat yang mirip dengan ayat penyata tetapi diakhiri dengan tanda soal. Yang menarik untuk dibincangkan adalah pembentukan ayat penyata, ayat perintah, dan ayat soal. Dalam membentuk ayat penyata, subjek adalah komponen yang wajib dalam struktur ayat penyata, manakala subjek boleh digugurkan dalam pembentukan ayat perintah. Dalam pembentukan ayat soal pula, perkara yang diprihatinkan adalah, bagaimana kata soal dapat digabungkan dengan konstituen ayat yang lain dan menghasilkan ayat soal yang gramatis?

Ayat juga boleh dibentuk dalam susunan biasa dan susunan songsang. Dalam susunan biasa, subjek diletakkan pada posisi awal ayat, manakala dalam susunan songsang, sesuatu kata atau konstituen ayat yang diberikan fokus ditransformasikan ke posisi awal ayat sebagai judul (Norliza Jamaluddin, 2018). Proses transformasi sesuatu kata atau konstituen ayat menjadi perkara yang dibahaskan dalam esei ini berpandukan persoalan bahawa, bagaimana ayat yang dibentuk tidak

mengikut susunan biasa dapat berdiri sebagai ayat yang gramatis?

Persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas memerlukan suatu teori yang kukuh untuk menerangkan pembentukan struktur ayatnya. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis struktur sintaksis ayat-ayat tersebut secara teoretikal dengan menerapkan teori sintaksis yang mempunyai kepadaan explanatori bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang dipersoalkan.

2. Sorotan Literatur

Penelusuran kajian lalu mendapati bahawa walaupun analisis kajian mengenai struktur sintaksis ayat banyak dilakukan, bagaimanapun kajian-kajian lepas gagal menunjukkan pergerakan sesuatu kata dari satu posisi ke suatu posisi yang lain dalam rajah pohon yang direpresentasikan dan kajian-kajian tersebut tidak menjelaskan motivasi yang mencetuskan pergerakan kata. Hal ini kerana kebanyakan kajian lepas masih menggunakan teori tradisional dalam menganalisis pembentukan ayat walaupun telah berlaku perubahan analisis dalam tahap perkembangan tatabahasa generatif (TG). Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Danin Christianto (2018), Evha Nazalatus Sa'adiyah Sy dan Devie Reztia A (2019), Liana Mumrikoh, Eka Agustina, dan Hastuti Retno Kuspiyah (2019), Tri Murni, Robert Sibarani, Eddy Setia, dan Gustianingsih (2019), Renalyn Banguis-Bantawig (2020) dan Brahim Adam (2021) menggunakan teori tradisional *Syntactic Structures* atau teori Kuasaan dan Tambatan dalam menganalisis struktur ayat. Rumus struktur ayat yang direpresentasikan dalam kajian mereka dilihat kekurangan batasan atau kekangan untuk pergerakan perkataan sehingga pergerakan sesuatu perkataan boleh dilakukan secara sewenang-wenang, malah rajah pohon yang menunjukkan pembentukan struktur ayat sangat dangkal projeksinya sehingga sesuatu konstituen ayat dilihat tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan suatu konstituen ayat yang lain (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2010; Howard Lasnik, 2017). Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, kajian ini menerapkan teori yang terkini dalam bidang sintaksis, Program Minimalis (PM), yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1995. PM mengemukakan perspektif baru bahawa ayat dibentuk melalui cantuman, iaitu sesuatu unsur ayat dihubungkan dengan suatu unsur ayat yang lain secara penyemakan fitur tak berinterpretasi dan penandaan peranan teta.

Selain itu, berdasarkan peninjauan yang dilakukan ke atas kajian lepas, didapati juga, walaupun hubungan antara imbuhan dengan struktur argumen dan penandaan peranan tematik telah mendapat perhatian para penyelidik di Malaysia, namun kajian yang merealisasikan hubungan antara imbuhan antara penandaan peranan tematik dalam pembentukan struktur ayat yang berbeza kurang dilakukan, khususnya dalam pembentukan struktur ayat perintah. Misalnya, artikel yang ditulis oleh Ramli Md. Salleh (2006) hanya menjelaskan perubahan struktur argumen apabila kata kerja diimbuhkan dengan imbuhan aktif. Di samping itu, artikelnya hanya membuat perbincangan secara deskriptif dan tidak melakukan analisis data secara teoretikal untuk menunjukkan pembentukan frasa kerja sama ada kata kerja diimbuhkan imbuhan atau digugurkan imbuhan dalam membentuk struktur ayat yang berbeza. Skop kajian yang tidak diliputi dalam artikel Ramli Md. Salleh masih tidak dipenuhi secara menyeluruh dalam kajian seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Kartini Abd Wahab, Rogayah A Razak, dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2016). Kajian mereka menganalisis pembentukan frasa kerja berdasarkan PM, bagaimanapun kajian mereka hanya terbatas kepada frasa kerja dalam bentuk aktif dan pasif, tidak membincangkan frasa kerja dalam bentuk dasar yang digunakan untuk membina ayat perintah. Kekurangan analisis kajian berkaitan pembentukan ayat perintah menjadi lompang yang menuntut pelaksanaan kajian lanjutan ini.

3. Metodologi

Bahagian metodologi ini menjelaskan kerasional dalam memilih data kajian dan prosedur atau teknik khusus yang digunakan dalam mengumpul, memproses, dan menganalisis data.

3.1 Pemilihan Data Kajian

Data yang digunakan untuk menjalankan kajian menganalisis struktur sintaksis adalah diambil dari iklan barang-barang sukan dalam BM di Malaysia. Kerasionalan memilih iklan sebagai data kajian ialah iklan merupakan bahan yang telah sedia, dianggap sebagai data sahih kerana data tersebut tidak

direka dan tidak melibatkan perubahan struktur ayat untuk memenuhi tujuan penyelidikan. Selain itu, iklan juga mudah diperolehi dan tidak memerlukan transkripsi yang memakan masa yang panjang. Tambahan pula, pelbagai jenis ayat yang digunakan dalam menulis penerangan iklan diyakinkan dapat membekalkan data yang ingin dikaji berbanding dengan sumber data yang lain.


3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi menjalankan penyelidikan, pengkaji perlu mengumpulkan data atau maklumat diperlukan, misalnya data penyelidikan, bukti kajian, dan maklumat atau pengetahuan mengenai teori yang dikaji. Pengkaji menggunakan kaedah pengambilan catatan dokumentari (documentary note-taking) dalam mengutip data kajian, iaitu ayat yang dibentuk dengan struktur yang berbeza. Ayat yang dipilih kemudian dicatat dalam *Microsoft Words*. Dalam mengumpulkan kosa ilmu, kaedah kepustakaan digunakan dengan meneliti artikel ilmiah, jurnal, konferens, persidangan dan tesis. Berdasarkan peninjauan yang dilakukan, pengkaji dapat mencari kelompongan kajian yang ada dalam kajian lepas dan menjadikannya sebagai persoalan atau permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian yang dilakukan. Pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan juga bertumpu pada maklumat mengenai teori kajian yang digunakan sebagai bahan rujukan dalam menjalankan penyelidikan dan bukti kajian yang dapat memperkukuhkan hasil kajian supaya dapatan dinilai sah dan boleh dipercayai.

3.3 Kaedah Analisis Data

Kajian ini menerapkan PM dalam menganalisis struktur sintaksis iklan barang-barang sukan dalam BM. PM dipilih dari banyak teori dalam tatabahasa generatif sebagai teori analisis data dalam kajian ini kerana PM merupakan teori yang terkini dalam bidang sintaksis. PM diperkenalkan untuk menggantikan teori tradisional yang lain sudah tentu dapat menyelesaikan permasalahan yang dipersoalkan oleh ahli linguistik dalam teori tradisional. Ternyata bahawa PM digunakan sebagai pendekatan analisis teoretikal dalam kajian ini lebih menunjukkan kekuatan berbanding dengan kajian lain yang menggunakan teori tradisional.

Menurut Program Minimalis, fakulti bahasa terdiri daripada leksikon dan sistem komputasi (SK) (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiqah Mohamad, 2021). Leksikon berada pada kedudukan yang paling tinggi dalam kerangka PM dan seterusnya diikuti oleh SK yang terdiri daripada Numerasi, cetusan, dan Bentuk Logik serta Bentuk Fonetik secara berikutan. Susunan aras diilustrasikan pada Rajah 2 berikut:




Rajah 1: Kerangka Program Minimalis

Sumber: Rogayah A Razak & Radiah Yusoff (2018)

Leksikon diandaikan terdiri daripada satu koleksi perkataan (lebih dikenali sebagai leksikal) dalam sesuatu bahasa seperti yang terdapat dalam otak seseorang tanpa disusun tertib. Leksikon menyediakan input item leksikal untuk dimasukkan ke dalam SK pada peringkat Numerasi. Item leksikal tergolong kepada dua kategori iaitu kategori leksikal dan kategori fungsian. Kategori leksikal terdiri daripada kata isian yang mendukung makna utuh seperti kata nama, kata kerja, dan kata adjektif, manakala kategori fungsian merujuk kata yang mempunyai fungsi tatabahasa seperti kata sendi nama, kata bantu, kata

penguat dan sebagainya. Dalam PM, setiap leksikal dicirikan dalam bentuk fitur sama ada fitur berinterpretasi atau fitur tak berinterpretasi. Leksikal ini akan dipilih, digabungkan, digerakkan, disalin dan dicetak pada peringkat numerasi dalam SK. Operasi Pilih, Gabung, Gerak, Salin, dan Cetak boleh dilihat pada Rajah 3 di bawah:



Rajah 2: Operasi Pilih, Gabung, Gerak, Salin, Cetak
Sumber: Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Syafika Atika Binti Othman (2019)

Pembentukan ayat dimulakan dengan kata kerja sebagai elemen utama memilih perkataan yang boleh bergabung dengannya secara pemilihan dan penyemakan fitur serta pengawalan peranan teta. Operasi Gabung yang dijalankan dalam struktur binari ini telah membentuk satu objek sintaksis yang mengandungi dua objek sintaksis yang asal tadi. Proses bersatu ini dimotivasikan oleh operasi Gerak. Operasi Gerak ialah operasi sintaksis yang menyalin satu objek sintaksis dan mencetak objek sintaksis tersebut pada sesuatu posisi yang tertentu. Objek sintaksis yang dicetak ini seterusnya bergabung dengan objek sintaksis yang lain dalam sesuatu struktur. Operasi Gerak meninggalkan tikas pada posisi asal dan menghasilkan semua objek sintaksis yang sewajarnya. Operasi Pilih, Gabung, Gerak, Salin dan Cetak dijalankan secara berterusan sehingga semua fitur tak berinterpretasi disemak. Fitur tak berinterpretasi wajib disemak sebelum bergerak ke Bentuk Logik dan Bentuk Fonetik kerana hanya fitur berinterpretasi layak wujud pada tahap antaramuka Bentuk Logik dan Bentuk Fonetik. Bentuk Logik dan Bentuk Fonetik ini berfungsi untuk menentukan ayat yang dihasilkan gramatis atau tidak gramatis. Apabila fitur berinterpretasi bergerak ke Bentuk Logik dan Bentuk Fonetik, maka interpretasi penuh dicapai, hasilnya ayat yang dibentuk gramatis. Sebaliknya, sekiranya fitur tak berinterpretasi

bergerak ke Bentuk Logik dan Bentuk Fonetik, maka ayat yang dihasilkan tidak gramatis (Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2020).

4.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian ini menunjukkan analisis struktur ayat berdasarkan PM dan membuat perbincangan terhadap penemuan yang diperolehi.


4.1 Analisis Kerangka Minimalis

Ayat yang dianalisis berdasarkan PM melibatkan struktur ayat aktif, ayat pasif, ayat perintah, struktur ayat soal yang mengandungi kata relatif "yang", ayat songsang dan strukutr ayat yang mengandungi kata pemeri "merupakan".

4.1.1 Struktur Ayat Aktif

Bahagian ini menunjukkan pembentukan ayat aktif *anda boleh mendapatkan potongan hingga 60% untuk produk terpilih* dengan memperlihatkan proses penambahan imbuhan aktif pada kata kerja dan kesan pengimbuhan terhadap perubahan struktur argumen.

Ayat 1: Anda boleh mendapatkan potongan hingga 60% untuk produk terpilih.



Rajah 3: Struktur ayat aktif dalam BM

KK *dapat* dalam ayat aktif ini merupakan KK dwitransitif dan memerlukan dua argumen dalaman untuk digabungkan dengannya bagi melengkapkan makna ayat. K' wujud apabila KK *dapat* bergabung dengan argumen pertama yang berfungsi sebagai objek tak langsung iaitu FP *untuk produk terpilih*. K' seterusnya bergabung dengan argumen kedua yang berfungsi sebagai objek langsung iaitu FN *potongan hingga 60%* bagi membentuk FK.

FK kemudian bergabung dengan k dan menghasilkan k'. K (k kecil) mengalami proses cantuman dan meletus kepada dua nodus yang diisi oleh morfem terikat *men...kan* yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uK] dan [uN] dan KK *dapat*. KK bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k dan meninggalkan bekas menjadi <*dapat*>. Pergerakan KK adalah untuk menyemak fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada morfem terikat *men...kan*. Morfem terikat *men...kan* memberi nilai aktif kepada KK *dapat* dan menghasilkan KK aktif *mendapatkan*. Penambahan imbuhan memberi kesan kepada struktur argumen KK dengan dapat dilihat KK aktif *mendapatkan* perlu bergabung dengan argumen


luaran untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] yang disifatkan bagi membentuk ayat yang gramatis. Hal ini berbeza dengan KK *dapat* dalam bentuk dasar yang tidak perlu bergabung dengan argumen luaran untuk menyempurnakan ayat. Fitur tak berinterpretasi tidak disemak pada derivasi k dan diprojeksikan ke k'. Berdasarkan keperluan penyemakan fitur tak berinterpretasi melalui penggabungan dengan argumen luaran dan penandaan peranan teta bagi KK, K' (k kecil bertanda) memilih KGN *anda* untuk digabungkan dan menghasilkan Fk. Kehadiran KGN pada posisi spek (atau subjek) di bawah Fk ini penting untuk menandakan peranan agen bagi KK aktif *mendapatkan* dan menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k'.

Fk seterusnya bergabung dengan kata bantu ragam *boleh* dan menghasilkan FRagam. FRagam kemudian bergabung dengan Kala yang mempunyai nilai kala kini dan fitur tak berinterpretasi [uN]. Hasilnya, Kala' dibentuk. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada Kala tidak disemak dan diprojeksi ke Kala'. Fitur ini mencetuskan pergerakan KGN *anda* dari posisi Fk ke posisi di sebelah Kala' dengan keperluan penyemakan fitur tak berinterpretasi. Pergerakan ini meninggalkan bekas < > pada posisi asal menjadi <anda>. KGN *anda* digabungkan dengan Kala' dan menghasilkan FKala. Fitur berinterpretasi [N] pada KGN *anda* menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada Kala' melalui penggabungan. Derivasi terakhir ialah FKala bergabung dengan ciri kekuatan yang dibawa oleh FFokus dalam menandakan sifat ayat yang dihasilkan. Dalam konteks ini, ayat aktif *anda boleh mendapatkan potongan hingga 60% untuk produk terpilih* dihasilkan dalam bentuk penyata.

4.1.2 Struktur Ayat Pasif

Kajian ini menggunakan ayat *koleksi Harden juga ditawarkan dengan 30% diskaun* dalam menunjukkan perubahan struktur argumen yang berlaku apabila kata kerja diimbuhkan dengan imbuhan pasif dalam pembentukan struktur ayat pasif.

Ayat 2: Koleksi Harden juga ditawarkan dengan 30% diskaun!



Rajah 4: Struktur ayat pasif dalam BM

KK *tawar* dalam ayat pasif ini tergolong sebagai KK dwitransitif. KK dwitransitif *tawar* mempunyai dua fitur tak berinterpretasi [uP] dan [uN] yang perlu disemak. Fitur tak berinterpretasi [uP] pada KK *tawar* disemak dengan fitur berinterpretasi [P] pada FP *dengan 30% diskaun* melalui penggabungan dalaman. Penggabungan ini menghasilkan K'. K' seterusnya bergabung dengan FN *koleksi Harden* bagi menyemak fitur tak berinterpretasi [uN]. Penggabungan KK dengan dua argumen dalaman tersebut menghasilkan FK.

FK kemudian memilih k untuk digabungkan dan menghasilkan k'. K (k kecil) mengalami proses cantuman dan meletus kepada dua nodus yang diduduki oleh morfem terikat *di...kan* dan KK *tawar*. KK *tawar* bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k dan meninggalkan bekas pada posisi asal menjadi <*tawar*>. Pergerakan ini adalah dicetuskan oleh keperluan penyemakan fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada morfem terikat *di...kan*. KK *tawar* yang bergerak ke derivasi k ini adalah dalam bentuk dasar tanpa diberikan nilai aktif atau pasif, manakala hasil daripada penambahan imbuhan

di...kan yang membawa nilai pasif kepada KK *tawar*, KK pasif *ditawarkan* dibentuk. Struktur argumen KK berubah apabila KK diberikan nilai pasif dengan memperlihatkan bahawa KK pasif *ditawarkan* perlu bergabung dengan argumen dalaman yang berfungsi sebagai subjek untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] yang disifatkan dalam penambahan imbuhan pasif. Fitur ini tidak disemak pada derivasi k dan diprojeksikan ke derivasi seterusnya.


K’ (k kecil bertanda) seterusnya bergabung dengan KPenegas *juga* yang berfungsi sebagai adjung dan menghasilkan k’ lagi. K’ (k kecil bertanda) kemudian memilih kata yang dapat menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] dan dapat menandakan peranan tema bagi KK pasif *ditawarkan* pada posisi subjek. Dalam konteks ini, FN *koleksi Harden* dilihat memenuhi syarat tersebut, maka FN *koleksi Harden* bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di sebelah k’ untuk digabungkan dengan k’. Pergerakan *koleksi Harden* meninggalkan bekas < > pada posisi asalnya menjadi <*koleksi Harden*>. Hasil daripada penggabungan FN *koleksi Harden* dengan k’, Fk dibentuk.

Fk seterusnya bergabung dengan Kala yang membawa fitur berinterpretasi nilai kala kini dan fitur tak berinterpretasi [uN] dan menghasilkan Kala’. Fitur tak berinterpretasi [uN] tidak semak dan diprojeksikan ke Kala’. Keperluan penyemakan fitur tak berinterpretasi mencetuskan pergerakan FN *koleksi Harden* dari posisi di bawah Fk ke posisi di sebelah Kala’. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada Kala’ disemak dengan fitur berinterpretasi yang bersepadan dengannya. Penggabungan Kala’ dengan FN *koleksi Harden* menghasilkan FKala. Derivasi terakhir ialah FKala bergabung dengan ciri kekuatan yang dibawa oleh FFokus dalam menandakan sifat ayat yang dihasilkan. Dalam konteks ini, ayat pasif *koleksi Harden juga ditawarkan dengan 30% diskaun* dihasilkan dalam bentuk penyata.

4.1.3 Struktur Ayat Perintah

Bahagian ini menunjukkan struktur ayat perintah yang dibentuk tanpa memerlukan subjek dengan menggunakan ayat “tukar kasut sukan lama dengan baucar kasut Adidas bernilai RM50” sebagai data perbincangan.

Ayat 3: Tukar kasut sukan lama dengan baucar kasut Adidas bernilai RM50!



Rajah 5: Struktur ayat perintah dalam BM


Fitur tak berinterpretasi [uN] dan [uP] pada KK *tukar* memperlihatkan KK *tukar* dalam ayat perintah ini merupakan KK dwitransitif. KK dwitransitif *tukar* perlu bergabung dengan dua argumen dalaman untuk melengkapkan makna ayat. Argumen pertama dipenuhi oleh FP *dengan baucar kasut Adidas bernilai RM50* yang menduduki posisi objek tak langsung, sementara argumen kedua diduduki oleh FN *kasut sukan lama* yang berfungsi sebagai objek langsung. Hasil daripada penggabungan KK dengan dua argumen dalaman, FK dibentuk.

Derivasi diteruskan dengan memilih k untuk digabungkan dan menghasilkan Fk. K (k kecil) mengalami proses bersatu dan meletus kepada dua nodus, satu nodus diisi oleh morfem elipsis *meN-* dan satu nodus yang lain diduduki oleh KK *tukar*. KK *tukar* bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k dan meninggalkan bekas pada posisi asal menjadi <*tukar*>. Pergerakan KK ini adalah dicetuskan oleh keperluan penyemakan fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada morfem elipsis *meN-*. Pada derivasi k, KK *tukar* digugurkan morfem terikat *meN-* atau dengan kata lain, KK tukar tidak diberikan nilai aktif atau pasif melalui penambahan imbuhan. Hal ini bermaksud KK adalah berdiri sebagai leksikal kosong. Berbeza dengan morfem terikat *meN-* dan *di...kan* yang dibincangkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4, morfem elipsis ini tidak membawa fitur tak berinterpretasi [uN] yang perlu disemak melalui penggabungan KK dengan argumen pada posisi subjek. Hal ini menunjukkan bahawa ayat perintah dibentuk tanpa subjek, seperti yang dinyatakan oleh Ismail Bin Dahaman (2016) bahawa ayat perintah boleh berdiri sendiri sebagai ayat yang bergramatis dan lengkap tanpa subjek, dengan dapat dilihat pada peringkat Fk, ayat perintah *tukar kasut sukan lama dengan baucar kasut Adidas bernilai RM50* yang lengkap dan gramatis dapat dihasilkan dengan hanya menggabungkan predikat dengan objek atau pelengkap.

4.1.4 Struktur Ayat Soal Yang Mengandungi Kata Relatif "Yang"

Bahagian ini menunjukkan pembentukan ayat soal *siapa yang tengah mencari kasut dan pakaian sukan*, tumpuan diberikan kepada fitur yang dimiliki oleh kata soal *siapa* dan kata relatif *yang* dan pergerakannya dalam proses pembentukan ayat untuk keperluan penyemakan fitur tak berinterpretasi.

Ayat 4 : Siapa yang tengah mencari kasut dan pakaian sukan?



Rajah 6: Struktur ayat soal yang mengandungi kata relatif "yang" dalam BM

Representasi bermula dengan KK *mencari* bergabung dengan argumen dalaman FN *kasut dan pakaian sukan* yang menduduki posisi objek bagi membentuk FK. FK seterusnya memilih k untuk digabungkan

dan menghasilkan k'. K (k kecil) kemudian mengalami proses cantuman dan meletus kepada dua nodus yang terdiri daripada KK *mencari* dan fitur tak berinterpretasi [uKala:] (k diandaikan bahawa sentiasa membawa fitur tak berinterpretasi [uKala:]). KK *mencari* bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k untuk memenuhi UTAH.

K' (k kecil bertanda) kemudian bergabung dengan argumen luaran dan membentuk Fk. Argumen luaran tersebut dipenuhi oleh kata soal *siapa* yang menduduki posisi subjek. Fk seterusnya bergabung dengan kata bantu aspek *tengah* yang membawa nilai kala berterusan dan membentuk Kala'. Seterusnya, kata soal *siapa* bergerak ke posisi di sebelah Kala' untuk bergabung dengannya dan meninggalkan bekas < > pada posisi asalnya. Hasilnya, FKala dibentuk. Pergerakan kata soal *siapa* adalah untuk memenuhi posisi spek FKala iaitu posisi subjek di bawah FKala.


Derivasi selanjutnya ialah FKala bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp mengalami proses bersatu dan meletus kepada kepada dua cabang yang diisi oleh fitur [jenis klausa: kini, Q*] pada Kala dan Komp [Q]. Oleh kerana [jenis uklausa] pada Kala dinilai sebagai [Interogatif], maka Kala bersifat kuat dan perlu bergerak ke posisi cantuman Komp supaya fitur tak berinterpretasi [jenis uklausa] dapat disemak secara lokal. Komp diandaikan membawa fitur kuat tak berinterpretasi [uwh] yang memberikan indikasi bahawa ayat itu ialah ayat soal. Disebabkan fitur kuat tak berinterpretasi hanya boleh disemak secara lokal, jadi fitur [uwh] ini diprojeksi ke Komp' dan disemak dengan kata soal *siapa* yang mempunyai fitur berinterpretasi [wh] melalui penggabungan. Kata soal *siapa* bergerak dari posisi spek di bawah FKala ke posisi spek di bawah FKomp. Penggabungan ini membentuk FKomp.

FKomp seterusnya bergabung dengan kata relatif *yang* yang membawa fitur topik untuk membentuk FTopik. FTopik kemudian bergabung dengan siapa yang merupakan elemen fokus dalam ayat soal *siapa yang tengah cari kasut dan pakaian sukan* dan menghasilkan FFokus. Kata soal *siapa* bergerak dari posisi spek di bawah FKomp dan bergerak ke posisi di sebelah FTopik dan meninggalkan bekas pada posisi asalnya.

4.1.5 Struktur Ayat Songsang

Ayat *hanya satu baucar RM50 dibenarkan untuk digunakan dalam setiap resit atau transaksi* merupakan ayat songsang. Dalam ayat songsang, kata atau frasa yang diberikan fokus atau penekanan ditempatkan pada posisi awal ayat. Kajian ini menggunakan PM untuk merealisasikan proses perubahan posisi kata atau frasa tersebut dalam pembentukan ayat songsang.

Ayat 5: Hanya satu baucar RM50 dibenarkan untuk digunakan dalam setiap resit atau transaksi.



Rajah 7: Struktur ayat songsang dalam BM

Pembentukan ayat bermula dengan KK dwitransitif *benar* sebagai elemen utama memilih FP *untuk digunakan dalam setiap resit atau transaksi* untuk digabungkan dan menghasilkan K'. Fitur tak berinterpretasi [uP] pada KK disemak dengan kehadiran fitur berinterpretasi [P] pada FP. K' seterusnya bergabung dengan FN *satu baucar RM50* bagi membentuk FK. Fitur berinterpretasi [N] pada FN menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] melalui penggabungan.

FK kemudian memilih k untuk digabungkan dan menghasilkan k'. K (k kecil) mengalami proses cantuman dan meletus kepada dua nodus yang diduduki oleh morfem terikat *di...kan* yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uK, uN] dan KK *benar*. Pergerakan KK *benar* dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k telah meninggalkan bekas menjadi <*benar*>. Pergerakan KK *benar* dicetuskan oleh keperluan penyemakan fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada k. Fitur kuat tak berinterpretasi [uK] disemak dan dipadam menjadi [~~uK~~]. Penggabungan KK *benar* dengan morfem terikat *di...kan* menghasilkan KK pasif *dibenarkan*. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada k tidak disemak dan diprojeksi ke k'. K' (k kecil bertanda) bergabung dengan KPenegas *hanya* yang berfungsi sebagai Adjung dan menghasilkan k' lagi.

K' (k kecil bertanda) kemudian memilih kata untuk digabungkan di bawah pengawalan peranan teta dan keperluan penyemakan fitur tak berinterpretasi. Dalam konteks ini, FN *satu baucar RM50* dilihat dapat memenuhi syarat yang diperlukan dengan memperlihatkan FN *satu baucar RM50* dapat menandakan peranan tema bagi KK pasif *dibenarkan* dan dapat menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dengan fitur berinterpretasi [N] yang dimiliki, maka FN *satu baucar RM50* mengisi posisi spek (atau subjek) di sebelah k' dan digabungkan dengan k'. Penggabungan ini menghasilkan Fk.


Fk seterusnya bergabung dengan Kala yang mempunyai nilai kala kini dan fitur tak berinterpretasi [uN] dan membentuk Kala'. Fitur tak berinterpretasi pada Kala tidak disemak dan dibawa ke Kala'. Fitur ini mencetuskan pergerakan FN *satu baucar RM50* dari posisi di bawah Fk ke posisi di sebelah Kala' untuk digabungkan dengan Kala' bagi penyemakan. Fitur tak berinterpretasi [uN] disemak dengan fitur berinterpretasi yang bersepadannya dan dipadam menjadi [~~uN~~]. FN *satu baucar RM50* bergabung dengan Kala' dan membentuk FKala.

Oleh sebab ayat yang dibentuk memberi penegasan kepada adjung *hanya*, maka adjung *hanya* bergerak dari posisi di bawah k' ke posisi di sebelah FKala dan bergabung dengannya untuk membentuk FFokus. Adjung *hanya* merupakan elemen fokus dalam ayat songsang *hanya satu baucar RM50 dibenarkan untuk digunakan dalam setiap resit atau transaksi*. Derivasi terakhir ialah penggabungan dengan ciri kekuatan yang dibawa oleh FFokus pada peringkat paling tinggi dalam menandakan sifat ayat yang dihasilkan, iaitu ayat songsang tersebut dihasilkan dalam bentuk penyata.

4.1.6 Strukutr Ayat Yang Mengandungi Kata Pemeri *Merupakan*

Bahagian ini menunjukkan pembentukan struktur ayat yang mengandungi kata pemeri *merupakan*, iaitu kata yang digunakan untuk menghubungkan subjek dengan predikat atau frasa-frasa utama dalam ayat.

Ayat 6: Teknologi ini merupakan inovasi yang pertama diperkenalkan dalam kasut sukan baru yang diberi nama Calibrate Runner.



Rajah 8: Struktur ayat yang mengandungi kata pemeri *merupakan* dalam BM

Derivasi bermula dengan KK *kenal* memilih FP *dalam kasut sukan yang diberi nama Calibrate Runner* untuk digabungkan dan menghasilkan K'. Penggabungan ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [uP] pada KK disemak dengan fitur berinterpretasi pada FP. K seterusnya bergabung dengan KN *inovasi* bagi membentuk FK. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada K disemak dengan kehadiran fitur berinterpretasi [N] yang dimiliki oleh KN *inovasi*.

FK kemudian memilih k untuk digabungkan dan membentuk k'. K (k kecil) mengalami proses

cantuman dan dicetuskan kepada dua nodus yang diduduki oleh morfem terikat *diper...kan* dan KK *kenal*. KK *kenal* bergerak dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k dan meninggalkan bekas pada posisi asal menjadi <*kenal*>. Pergerakan KK dicetuskan untuk menyemak fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada morfem terikat *diper...kan*. Fitur kuat tak berinterpretasi [uK] pada morfem terikat *diper...kan* disemak dan dipadam menjadi [~~uK~~], sementara fitur tak berinterpretasi [uN] tidak disemak dan dibawa ke k'. Penggabungan KK *kenal* dengan *diper...kan* menghasilkan KK pasif *diperkenalkan*. K' (k kecil bertanda) seterusnya bergabung dengan KAdv *pertama* yang berfungsi sebagai Adjung dan menghasilkan k' lagi. K' (k kecil bertanda) kemudian memilih KN *inovasi* untuk digabungkan bagi menyemak fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dengan fitur berinterpretasi [N] yang dimilikinya. Penggabungan k' dengan KN *inovasi* membentuk Fk. KN *inovasi* yang menduduki posisi subjek atau spek di bawah Fk penting untuk menandakan peranan tema bagi KK pasif *diperkenalkan*.

Derivasi seterusnya ialah Fk bergabung dengan Kala yang mempunyai nilai kala kini dan fitur tak berinterpretasi [uN] dan menghasilkan Kala'. Fitur tak berinterpretasi [uN] tidak disemak dan diprojeksikan ke Kala'. Fitur ini mencetuskan pergerakan KN *inovasi* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] dari posisi spek di bawah Fk ke posisi spek di bawah FKala, iaitu posisi di sebelah Kala' untuk penyemakan fitur. Kala' bergabung dengan KN *inovasi* dan menghasilkan FKala. Fitur tak berinterpretasi [uN] pada Kala' disemak dengan fitur berinterpretasi [N] pada KN *inovasi* melalui penggabungan.

FKala seterusnya bergabung dengan KRelatif *yang* yang mempunyai fitur topik bagi membentuk FTopik. FTopik bergabung dengan KN *inovasi* yang merupakan elemen fokus dan juga merupakan subjek ayat bagi membentuk FFokus. KN *inovasi* bergerak dari posisi spek di bawah FKala ke posisi di sebelah FTopik dan meninggalkan bekas pada posisi asal. FFokus kemudian bergabung dengan KPemeri *merupakan* dan membentuk merupakan F. Merupakan F memilih FN *teknologi ini* yang mempunyai fitur topik untuk digabungkan dan membentuk FTopik. Ayat *teknologi ini merupakan inovasi yang pertama diperkenalkan dalam kasut sukan yang diberi nama Calibrate Runner* dihasilkan.

4.2 Perbincangan

Bahagian ini membuat perbincangan mengenai dapatan dan penemuan yang diperolehi dalam kajian ini berdasarkan pembentukan struktur ayat yang ditunjukkan dalam bahagian 4.1.

4.2.1 Ayat Aktif, Ayat Pasif, Dan Ayat Perintah

Analisis yang dilakukan menekankan aspek morfosintaksis dalam pembentukan struktur ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah BM. Morfosintaksis yang dinyatakan merujuk kepada gabungan aspek morfologi dan aspek sintaksis. Aspek morfologi membincangkan imbuhan KK, sementara aspek sintaksis adalah berkaitan dengan pembentukan struktur ayat. Dengan menghubungkan dua aspek tersebut, aspek morfosintaksis yang dimaksudkan dalam analisis kajian ini ialah imbuhan BM sebagai parameter khusus-bahasa dalam pembentukan struktur ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah BM. Berdasarkan analisis yang direpresentasikan, ayat aktif dan ayat pasif dibentuk dengan KK dalam bentuk dasar diimbuhkan dengan imbuhan yang membawa nilai aktif atau pasif, sementara ayat perintah dibentuk dengan KK digugurkan imbuhan atau tidak diimbuhkan dengan imbuhan. Kajian ini menjadikan derivasi k sebagai proses menerbitkan bentuk kata yang berlainan dengan mengimbuhkan atau menggugurkan imbuhan pada KK. Penambahan atau pengguguran imbuhan ini memberi kesan kepada struktur argumen KK dan penandaan kasus bagi fungsi tatabahasa sesuatu argumen serta penandaan peranan teta argumen, seperti yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 1: Kesan penambahan atau pengguguran imbuhan terhadap struktur argumen KK dan penandaan kasus serta peranan teta argumen bagi KK

KK dalam bentuk dasar *dapat*: VS	1 2 FN FN VS	1 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Tema 2 --- Argumen dalaman Kasus: Datif (Objek tak langsung)

KK aktif *mendapatkan*:	1 2 3 FN FN FN	Peranan teta: Sasaran VS 1 --- Argumen luaran Kasus: Nominatif (Subjek) Peranan teta: Agen 2 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Tema 3 --- Argumen dalaman Kasus: Datif (Objek tak langsung) Peranan teta: Sasaran
KK dalam bentuk dasar *tawar*: VS KK pasif *ditawarkan*:	1 2 FN FN VS 1 2 FN FN	1 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Tema 2 --- Argumen dalaman Kasus: Datif (Objek tak langsung) Peranan teta: Sasaran VS 1 --- Argumen dalaman Kasus: Nominatif (Subjek) Peranan teta: Tema 2 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Sasaran
KK dalam bentuk dasar *tukar*: VS KK perintah *tukar*:	1 2 FN FN VS 1 2 FN FN	1 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Tema 2 --- Argumen dalaman Kasus: Datif (Objek tak langsung) Peranan teta: Sasaran VS 1 --- Argumen dalaman Kasus: Akusatif (Objek langsung) Peranan teta: Tema 2 --- Argumen dalaman Kasus: Datif (Objek tak langsung) Peranan teta: Sasaran

Dapat dilihat bahawa apabila KK diimbuhkan imbuhan aktif, argumen luaran yang menduduki posisi subjek diperlukan untuk berperanan sebagai agen atau pelaku kepada tindakan yang direpresentasikan oleh KK aktif. Maka, kata dipilih daripada senarai kata yang ada dalam leksikon berdasarkan syarat-syarat tersebut dan diletakkan pada posisi [spek, Fk] untuk bergabung dengan KK aktif bagi menyempurnakan ayat. Sebaliknya, apabila KK diimbuhkan imbuhan pasif, subjek yang berperanan tema diperlukan bagi melengkapkan ayat. Subjek yang ditandakan peranan tema menunjukkan sesuatu orang atau benda mengalami perlakuan yang dilahirkan oleh predikat pasif. Berdasarkan keperluan tersebut, objek yang berperanan tema dinominalisasikan dan menjadi subjek. Proses nominalisasi dapat dilihat dengan kata yang berada pada posisi di bawah FK yang menduduki posisi objek bergerak ke posisi spek di bawah Fk.

Dalam pembentukan struktur ayat perintah, KK dianalisis sebagai KK leksikal kosong yang digugurkan atau tidak diimbuhkan morfem terikat. Proses pengguguran morfem terikat tersebut tidak memberi kesan terhadap struktur argumen KK dan penandaan kasus serta peranan teta argumen kerana KK leksikal kosong dalam ayat perintah adalah sama dengan KK dalam bentuk dasar. Kajian ini mencadangkan morfem terikat elipsis diletakkan pada k dan fitur tak berinterpretasi [uK] pada morfem terikat elipsis mencetuskan pergerakkan KK yang mempunyai fitur berinterpretasi [K] dari posisi di bawah FK ke posisi di bawah k untuk penyemakan fitur. Dengan ini, KK dalam ayat perintah dapat dijelaskan berdiri sebagai leksikal kosong dan tidak memerlukan argumen luaran yang menduduki posisi subjek untuk menunjukkan agen atau pelaku kepada tindakan yang direpresentasikan oleh KK. Bagi ayat penyata atau ayat perintah yang dibentuk dengan menekankan nada penyampaian, kajian ini mengaplikasikan cara analisis yang dicadangkan oleh Amjed Ayyat, Fazal Mohamed Sultan, dan Mohamed Subakir Yasin (2016) iaitu memasukkan FFokus dalam derivasi. Ciri kekuatan yang dibawa oleh FFokus digunakan untuk menentukan jenis ayat yang dihasilkan berdasarkan nada penyampaian. Cara yang sama juga boleh digunakan untuk menganalisis ayat soal yang dibentuk dengan menekankan nada penyampaian secara tidak formal.

Kajian ini telah melengkapkan perbincangan mengenai hubungan antara imbuhan dengan penandaan peranan tematik yang dilakukan oleh Ramli Md. Salleh (2006) dan perbincangan mengenai pembentukan frasa kerja dalam BM yang dilakukan oleh Kartini Abd Wahab, Rogayah A Razak, dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2016). Kajian-kajian lepas tersebut memperlihatkan KK yang menerima imbuhan aktif meN- dan imbuhan pasif di- dianalisis sebagai frasa kerja yang mengandungi dua lapisan iaitu morfem terikat meN- atau di- menduduki posisi [Fk] dan kata kerja leksikal menduduki posisi [FK], manakala kajian ini memperluas perbincangan dengan menganalisis pembentukan frasa kerja dalam ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah, seterusnya memperlihatkan kesan penambahan atau pengguguran imbuhan terhadap struktur argumen KK dan penandaan kasus serta peranan teta argumen dalam pembentukan ayat berkenaan.

4.2.2 Ayat Soal

Kajian ini hanya menganalisis struktur ayat soal dengan kata soal pada posisi subjek kerana kata soal pada posisi objek dan adjung telah dikaji dalam kajian yang dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Norasmira Noordin (2012). Kajian ini menggunakan cara analisis yang sama dalam kajian lepas Fazal Mohamed dan Norasmira Noordin untuk mengkaji struktur ayat soal dengan kata soal berada pada posisi subjek. Analisis yang direpresentasikan menunjukkan fitur [Q] yang kuat memiliki fitur tak berinterpretasi [uwh] yang kuat pada Komp mewajibkan kata soal yang berada pada posisi [spek, Fk] bergerak ke kedudukan skop, iaitu posisi [spek, FKomp] untuk menyemak fitur tak berinterpretasi secara lokal. Oleh kerana kata relatif *yang* ditambahkan dalam ayat soal, FKomp seterusnya bergabung dengan kata relatif *yang* yang membawa fitur topik dan menghasilkan FTopik. FTopik kemudian bergabung dengan kata soal *siapa* yang merupakan elemen fokus dan subjek dalam ayat soal dan membentuk FFokus. Analisis ini mencadangkan bagi ayat soal yang mengandungi kata relatif *yang*, FFokus adalah berada pada aras yang paling tinggi dalam projeksi hierarki, diikuti dengan FTopik, dan seterusnya FKomp.

4.2.3 Ayat Songsang

Ayat songsang merupakan ayat yang diterbitkan daripada ayat biasa dengan menyusun semula sesuatu kata atau frasa ke posisi yang lain dalam ayat yang baharu. Perubahan posisi sesuatu kata atau frasa ini tidak melibatkan perubahan makna, tetapi melibatkan perubahan dari segi struktur ayat (Norliza Jamaluddin, 2018). Proses penyusunan semula biasanya dilakukan dengan mengedepankan sesuatu kata atau frasa untuk memberikan penekanan terhadap kata atau frasa yang diujarkan. Dalam data ayat songsang *hanya satu baucar RM50 dibenarkan untuk digunakan dalam setiap resit atau transaksi*, kajian ini memperlihatkan proses mengedepankan adjung yang dikuduki oleh KAdv dengan menggerakkan adjung dari posisi di bawah k' ke aras yang paling tinggi iaitu posisi di bawah FFokus. Analisis yang dilakukan bukan sahaja merealisasikan proses mengedepankan sesuatu kata atau frasa, tetapi juga jelas menunjukkan sesuatu kata atau frasa yang berada pada posisi di bawah FFokus merupakan elemen fokus dalam ayat berkenaan.

4.2.4 Ayat Yang Mengandungi Kata Pemeri *Merupakan*

Berdasarkan analisis yang dilakukan, kata pemeri *merupakan* menduduki kepala F yang merepresentasikan kategori fungsional. Kata pemeri *merupakan* diperlukan untuk mengisi kepala F kerana setiap kata tugas membawa fungsi asas gramatikal yang tersendiri dan tidak dapat sekadar diwakili oleh F (Li Rui Fang, 2017). Kepala *merupakan* F diandaikan bahawa sentiasa membawa kata pemeri *merupakan* yang menduduki nodus yang dicetuskan di bawah kepala F. Kepala *merupakan* F menghubungkan sesuatu derivasi dengan satu derivasi yang lain supaya projeksi dapat dijalankan, sementara kata pemeri *merupakan* yang berada pada posisi di bawah kepala *merupakan* F digunakan untuk menyambungkan FN dengan kata atau frasa-frasa yang lain dalam ayat (ayat yang mengandungi kata tugas yang lain juga boleh dianalisis dengan cara yang ditunjukkan, misalnya ayat majmuk yang dihasilkan dengan menggunakan kata hubung (salah satu kata tugas) untuk menggabungkan sesuatu ayat dengan satu ayat yang lain).

5.0 Kesimpulan

Keseluruhannya, makalah ini telah menganalisis struktur sintaksis iklan barang-barang sukan dalam BM berdasarkan PM. Struktur ayat yang dianalisis merangkumi ayat aktif, ayat pasif, ayat penyata, ayat perintah, ayat soal, ayat yang mengandungi kata relatif *yang*, ayat songsang dan ayat yang mengandungi kata pemeri *merupakan*. Kajian ini menganalisis ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah dari aspek morfosintaksis dan memperlihatkan perubahan struktur argumen KK dan penandaan kasus serta peranan teta argumen apabila KK ditambahkan atau digugurkan imbuhan pada derivasi k. Hasil daripada analisis yang direpresentasikan, ternyata bahawa struktur argumen KK dan peranan teta serta kasus argumen bukan sahaja ditandakan oleh KK, tetapi imbuhan juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan aspek-aspek tersebut dan aspek-aspek tersebut seterusnya memberi kesan kepada pembentukan ayat aktif, ayat pasif, dan ayat perintah. Bagi ayat penyata dan ayat perintah yang dibentuk dengan secara tidak formal, FFokus dimasukkan dalam derivasi dan diisi dengan nada penyampaian untuk menentukan jenis ayat yang dihasilkan. FFokus juga berperanan penting menunjukkan elemen yang diberikan penekanan dalam ayat songsang. Berkenaan struktur ayat soal, kajian ini mendapati bahawa kata soal pada posisi [spek, Fk] mengalami pergerakan ke posisi [spek, FKomp] untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [uwh] yang kuat pada Komp secara lokal. Kajian ini juga memperlihatkan struktur ayat soal yang mengandungi kata relatif *yang*, FFokus adalah berada pada aras yang paling tinggi dalam projeksi hierarki, diikuti dengan FTopik, dan seterusnya FKomp. Akhirnya, bagi ayat yang mengandungi kata yang tergolong dalam kategori fungsional, kajian ini mencadangkan untuk meletakkan kata fungsian pada kepala F dan kepala F tersebut diandaikan bahawa sentiasa membawa kata fungsian yang menduduki nodus yang dicetuskan di bawah kepala F.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, ternyata bahawa analisis struktur sintaksis dengan menggunakan PM adalah analisis terbaik untuk melihat fenomena yang kompleks ini kerana analisis yang dijalankan dengan menggunakan teori tradisional yang lain tidak dapat menjelaskan pergerakan kata dan perubahan struktur ayat yang berlaku dengan deskripsi yang padat. Kajian ini menekankan aspek morfosintaksis dalam pembentukan ayat BM, bagaimanapun terdapat sesetengah bahasa yang tidak menggunakan imbuhan untuk menerbit bentuk kata yang berlainan bagi membina ayat yang berlainan jenis, misalnya bahasa Cina, bahasa Korea, dan bahasa yang lain. Jadi, kajian pada masa depan dicadangkan untuk meninjau persoalan faktor yang mencetuskan perubahan struktur argumen KK dan penandaan kasus serta peranan teta argumen dalam pembentukan ayat aktif, ayat pasif, ayat perintah dalam bahasa yang tidak menggunakan imbuhan untuk menerbitkan kata. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan pengkaji pada masa depan boleh menganalisis struktur ayat yang dibina dengan pola FN + FN, FN + FP atau pola ayat yang lain kerana KK tidak digunakan dalam pembentukan ayat tersebut, tetapi masih boleh menghasilkan ayat yang lengkap dan gramatis.

Penghargaan
Kajian ini dibiayai oleh MPOB dan Universiti Kebangsaan Malaysia, di bawah dana Geran Kursi Endowmen MPOB-UKM (EP-2019-053).

Rujukan

Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). Pantun Melayu: ayat majmuk gabungan bahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), 23 - 36

Ahmad Sukri bin Mustaffa. (2003). Terjemahan surah al-Baqarah : analisis sintaksis dalam tafsir al-Azhar. [Masters thesis, University of Malaya] Repository Universiti Malaya.

Amjed Ahmed Ayyat, Fazal Mohamed Sultan & Mohamed Subakir Mohd Yasin. (2016). A Minimalist Approach to agentive passive in Standard Arabic. *International Journal of Recent Research in Social Sciences and Humanities (IJRRSSH)*, 3(4), 149-157.

Brahim Adam. (2021). Negation in Musgum. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 4(3), 141-149.

Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. Mouton De Gruyter.

Chomsky, N. (1995). *Minimalist Program*. MIT Press.

Danin Christianto. (2018). Syntactic analysis on sentence patterns in John Denver's song lyrics. [Sarjana Pendidikan Thesis, Universitas Sanata Dharma] Repository Universitas Sanata Dharma.

Evha Nazalatus Sa'adiyah Sy dan Devie Reztia A. (2019). A syntactical analysis of simple sentences in Kembhang Babur. *Premise: Journal of English Education and Applied Linguistics*, 4(1), 121–132.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010). Teori Chomsky dan cabaran bahasa Melayu. *Jurnal Kesturi*, 20, 28-47.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. (2012). Kata tanya "soal" dalam dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis. *Jurnal bahasa*, 12(1), 87-103.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiqah Mohamad. (2021). Analisis kata kerja bantu dalam dialek Melayu Terengganu menggunakan Program Minimalis. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 001-019.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Syafika Atika Binti Othman. (2019). Frasa kerja dalam dialek Negeri Sembilan: analisis Kerangka Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.

Ismail Bin Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu: Sistem Pembentukan Ayat: Kalimat Bersusun Ayat Bersantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Abd Wahab, Rogayah A Razak & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2016). The verb phrase construction in Malay: a Minimalist Program approach. *Pertanika Journals of Social Science and Humanities*, 24(S), 21-32.

Lasnik, Howard. (2017). Syntactic Structures: formal considerations 60 years later. *Revista Linguíftica* 13(2): 35-50.

Liana Mumrikoh, Eka Agustina, dan Hastuti Retno Kuspiyah. (2019). A Syntactic Analysis on Sentences Found in the English Textbook for the Tenth Grade Students Entitled "Bahasa Inggris Kelas X" (2017 revised edition) Published by Ministry of Education and Culture Republic of Indonesia. *Channing: English Language Education and Literature*, 4(2), 38-49.

Li, R. F. (2017). 最简方案下的"把"字句研究 (Analisis struktur ayat "ba" berdasarkan Program Minimalis). *Northern Literature*, 中 (middle), 94-95.

Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Ayat selapis dalam dialek Perlis menggunakan Kerangka Minimalis. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 001-018.

Norliza Jamaluddin. (2018). Kepelbagaian pendekatan dalam penelitian tatabahasa bahasa Melayu. Retrieved Ogos 22, 2021, from https://www.researchgate.net/publication/339446853_KEPELBAGAIAN_PENDEKATAN_DALAM_PENELITIAN_TATABAHASA_BAHASA_MELAYU

Ramli Md.Salleh. (2006). Imbuhan dan penandaan tematik dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 2, 19-51.

Renalyn Banguis-Bantawig. (2020). Generating patterns of syntactic style and syntax structure on Siquijodnon-Cebuano folksongs. *Journal of Critical Reviews*, 7(11), 194-202.

Rogayah A Razak & Radiah Yusoff. (2018). *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Ayat perintah dalam novel Kabus di Perbukitan. *Jurnal Linguistik*,18(2), 19-29.

Tri Murni, Robert Sibarani, Eddy Setia & Gustianingsih. (2019). Movement transformation in Gayo syntax. *Language Literacy: Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching*, 3(1), 21-32.